

## PEMAKAIAN SERBAN DI SISI PENGANUT ISLAM DAN SIKH DI MALAYSIA: WUJUDKAH DISKRIMINASI?

*(The Wearing of Turbans among Muslims and Sikh  
Followers in Malaysia: Is There Discrimination?)*

*Shahrul Mizan Ismail*  
shahrulmizan@ukm.edu.my

*Aini Afiqah Marzidin*  
ainiafiqah13@gmail.com

Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

### Abstrak

Orang Islam, terutamanya pelajar sekolah sering ditegah memakai serban ketika di sekolah mahupun ketika menunggang motosikal, tetapi penganut agama Sikh diberikan kelonggaran untuk memakai serban dalam semua keadaan. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi pelaksanaannya, meskipun undang-undang memberikan hak yang sama rata kepada semua agama. Artikel ini bertujuan melihat wujud atau tidak unsur diskriminasi perkauman dalam amalan pemakaian serban antara penganut agama Islam dengan penganut agama Sikh di Malaysia. Kajian mendapati pengecualian yang diberikan kepada penganut agama Sikh adalah untuk mewujudkan persefahaman antara kaum dan menjamin hak mereka yang wajib memakai serban berbanding dengan tuntutan sunat kepada penganut agama Islam.

Kata kunci: serban, agama Islam, agama Sikh, diskriminasi, Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) 1969



### *Abstract*

*Muslims, especially students, are often prohibited from wearing turbans in schools as well as while riding motorcycles, whereas Sikh followers are given leeway to wear turbans at all times and occasions. This situation suggests that there exists discrimination in law enforcement, even though the law guarantees equality for all religions in Malaysia. This article aims to determine whether there exists racial discrimination with regard to the wearing of turbans by Muslims and Sikhs in Malaysia. The finding shows that the special exception given to the Sikhs is to foster racial understanding and to protect their right, whereby wearing if the turban is compulsory, while for Muslims it is merely encouraged.*

*Keywords: turban, Islam, Sikhism, discrimination, International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) 1969*

## PENDAHULUAN

Amalan pemakaian serban di Malaysia amat berkait rapat dengan agama Islam dan agama Sikh. Memakai serban bagi orang Islam dikaitkan dengan sunah Rasulullah SAW, malah serban juga sering dikaitkan dengan pelajar sekolah agama, termasuklah sekolah pondok, manakala bagi penganut Sikh, memakai serban dianggap sebagai suatu perbuatan yang mulia.<sup>1</sup>

Pemakaian serban kini menjadi suatu isu yang menarik perhatian ramai ekoran kes yang melibatkan pelajar pondok yang disaman kerana memakai serban dan tidak memakai topi keledar ketika menunggang motosikal. Tindakan menyaman pelajar berkenaan adalah untuk mengelakkan wujudnya trend pelajar sekolah menjadikan alasan tidak memakai topi keledar kerana memakai serban.<sup>2</sup> Tambahan pula, pelajar sekolah tidak dibenarkan memakai serban kerana serban bukanlah

- 1 Aman Daima. (2002). Perbandingan pemakaian dasar dalam agama Sikh dan serban dalam agama Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 2.
- 2 (2009). Saman pelajar berserban agar elak jadi trend. *Utusan Online*. Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0120&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_22.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0120&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_22.htm). at 16 Disember 2016.



sebahagian daripada pakaian seragam sekolah,<sup>3</sup> sedangkan murid keturunan Sikh tidak dilarang memakai serban di sekolah kerana mereka berpakaian mengikut kepercayaan dan agama mereka.<sup>4</sup> Keadaan ini sudah tentunya menjadi isu kerana pengecualian ini seolah-olah memberikan pelepasan kepada penganut Sikh untuk terus memakai serban berbanding dengan penganut Islam. Hal ini dipersoalkan oleh sesetengah pihak sehingga dilihat sebagai suatu diskriminasi terhadap penganut Islam kerana pengecualian tersebut hanya terpakai kepada golongan Sikh sahaja, sedangkan pemakaian serban merupakan suatu kebebasan untuk mengamalkan ajaran agama.<sup>5</sup>

Tambahan pula, Perlembagaan Persekutuan menggariskan bahawa semua orang mempunyai hak yang sama rata di sisi undang-undang dan tidak boleh ada sebarang diskriminasi berlaku terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina.<sup>6</sup> Oleh itu, artikel ini merujuk suatu instrumen antarabangsa yang berkaitan dengan diskriminasi perkauman, iaitu Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) 1969.<sup>7</sup> Meskipun peruntukan ICERD tidak terpakai di Malaysia kerana Malaysia masih belum

- 3 (2006). Pelajar ditegah berserban-bukan sebahagian daripada pakaian seragam sekolah: Hakim. *Utusan Online*. Retrieved from <http://www1.utusan.com.my/utusan/> at 17 Disember 2016.
- 4 Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2011*. Peraturan Berkenaan Rambut dan Pemakaian *Steel Bangle* (Kara) oleh Murid-murid Keturunan Sikh.
- 5 Perkara 11 (Kebebasan Beragama) Perlembagaan Persekutuan. Diperkenalkan kali pertama sebagai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Hari Kemerdekaan (31 Ogos 1957) dan kemudiannya diperkenalkan sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia pada Hari Malaysia (16 September 1963).
- 6 Perkara 8(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan kesamarataan setiap warganegara Malaysia. Semua orang mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan perlindungan di sisi undang-undang.
- 7 Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) diterima dan dibuka untuk tandatangan dan pengesahan oleh resolusi Perhimpunan Agung 2106 (XX) sejak 21 Disember 1965, berkuat kuasa pada 4 Januari 1969. Retrieved from <http://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/CERD.aspx> at 16 Disember 2016.



menandatanganinya,<sup>8</sup> namun, ICERD sangat sesuai dijadikan rujukan dan kayu ukur untuk membincangkan isu diskriminasi pemakaian serban kerana peruntukannya lebih diterima pakai oleh kebanyakan negara di dunia, serta bersifat lebih adil dan saksama tanpa sebarang unsur prejudis terhadap mana-mana pihak. Oleh itu, artikel ini akan melihat status pemakaian serban bagi orang Islam dan meneliti sama ada pengecualian hanya diberikan kepada penganut Sikh sahaja atau tidak, serta melihat diskriminasi yang berlaku dari sudut amalan dan pelaksanaan undang-undang.

## PERBEZAAN SERBAN ANTARA ORANG ISLAM DENGAN SIKH

Serban ialah kain yang diikat di kepala<sup>9</sup> atau sehelai kain panjang yang digunakan untuk menutup sebahagian kepala. Serban ialah istilah yang digunakan di Malaysia sebagai suatu lambang kesucian dan tidak boleh dipijak sewenang-wenangnya.<sup>10</sup>

### Serban menurut Islam

Menurut pendapat ahli sejarah, serban merupakan pakaian tradisi orang Arab jahiliah yang diwarisi daripada nenek moyang sebelum kedatangan Islam lagi.<sup>11</sup> Walaupun sebahagian daripada pakaian bangsa Arab mempunyai persamaan dengan pakaian bangsa lain di luar negara Arab, namun serban merupakan satu-

8 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2015). Siaran Media. *Menyeru kerajaan untuk menyertai Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman 1969*. Untuk rekod, Malaysia terus menjadi antara empat buah negara ASEAN dan 16 buah negara anggota terakhir PBB yang belum menyertai konvensyen tersebut.

9 *Kamus Dewan*. (2007). (p. 1467). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

10 Gurmit Singh. (n.d.). Sikh and their turban. Retrieved from <http://www.sikhmag.com/english/sikh-turban.html> at 16 Disember 2016.

11 Muhammad Nur Lubis. (1999). *Mengapa tidak berserban?* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.



satunya pakaian yang mencerminkan identiti bangsa mereka yang tidak terdapat pada bangsa-bangsa lain.<sup>12</sup>

Islam mengambil sikap bertolak ansur, iaitu tidak melarang atau mengharamkan pemakaian serban yang diwarisi dari zaman jahiliah kerana serban turut dipakai oleh Rasulullah SAW.<sup>13</sup> Antara hadis yang menyebut pemakaian serban adalah seperti yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abd. Allah al-Ansariy (r.a.):

أن رسول الله ﷺ دخل مكة وقال قتيبة دخل يوم فتح مكة وعليه عمامة  
سوداء بغير إحرام<sup>14</sup>

Maksud: *Rasulullah SAW memasuki kota Makkah dengan memakai serban berwarna hitam tanpa melakukan ihram.*

Diriwayatkan juga daripada ‘Amru bin Jurayth daripada bapanya:

أن رسول الله ﷺ سلم خطبته للناس وعليه عمامة سوداء<sup>15</sup>

Maksud: *Rasulullah SAW pernah menyampaikan khutbah dengan memakai serban berwarna hitam.*

‘Amru bin Jurayth juga meriwayatkan daripada bapanya:

رأيت النبي صلى الله عليه وسلم على المنبر وعليه عمامة سوداء قد أرى خطر فهابن  
كتفيه<sup>16</sup>

Maksud: *Saya pernah melihat Rasulullah SAW berada di atas mimbar dengan memakai serban berwarna hitam dan bahagian ekornya dibiarkan berada di antara dua bahunya.*

12 Aman Daima. (2012). Perbandingan pemakaian dasar dalam agama Sikh dan serban dalam agama Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 2.

13 Basri Ibrahim, Wan Mohd. Yusof Wan Chik, & Muhammad Zaid Ismail. (2009). Kupasan pemakaian serban ketika menunggang motosikal berdasarkan fiqh keutamaan. *Jurnal Syariah*, 17(1), 33.

14 Muslim. (1401H/1981M). *Sahih Muslim* (Jilid 1) (p. 990). *Kitab al-Hajj*. Istanbul.

15 Muslim. (1401H/1981M). *Sahih Muslim* (Jilid 1) (p. 990). *Kitab al-Hajj*. Istanbul.

16 Abu Daud. (1317H/1952M). *Sunan Abi Daud* (Jilid 4) (p. 54). *Kitab al-Libas*. Beirut: Dar al-Fikr.



Ibn Umar (r.a.) meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عليكم بالعمائم فإنها سيماء الملائكة , وأرخوا لها خلف ظهوركم<sup>17</sup>

Maksud: *Hendaklah anda sekalian berserban, kerana sesungguhnya ia ialah simbol para malaikat dan hুলurkannya pada bahagian belakang anda.*

Selain itu, Rasulullah SAW memakai serban dengan cara membuat lilitan di kepala dan membiarkan ekor serbannya menjulur keluar pada bahagian belakangnya. Menurut Ibn Qayyim, Rasulullah SAW apabila berserban, pada kebiasaannya Baginda SAW akan menghulurkan ekor serban di antara bahunya. Baginda SAW memakainya pada kebanyakan masa dan kadangkala tidak memakainya.<sup>17</sup>

Menurut Ibn Qayyum, Rasulullah SAW memakai serban yang terdapat songkok Yaman di tengahnya. Kadangkala Baginda SAW memakai songkok sahaja tanpa serban dan kadangkala memakai serban sahaja tanpa songkok. Apabila berserban, pada kebiasaannya Baginda SAW akan menghulurkan ekor serban di antara dua bahunya. Baginda SAW memakainya pada kebanyakan masa dan kadangkala tidak memakainya.<sup>18</sup>

Berdasarkan keterangan tersebut, jelas menunjukkan bahawa serban juga merupakan salah satu daripada pakaian Rasulullah SAW berdasarkan hadis sahih. Antara warna serban yang menjadi pilihan Baginda termasuklah warna hitam untuk menyampaikan khutbah. Kebiasaannya Baginda SAW menghulurkan ekor serban ke bahagian belakangnya.<sup>19</sup>

17 The Turban in Islam. Retrieved from <http://www.everymuslim.co.za/index.php/articles-menu/meritorious-deeds-menu/1405-the-turban-in-Islam> at 16 Disember 2016.

18 Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1422H/1990M). *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khayr al-'Ibad* (Jilid 1) (p. 7). Kaherah: Dar al-Haitham.

19 Basri Ibrahim, Wan Mohd. Yusuf Wan Chik, & Muhammad Zaid Ismail. (2009). Kupasan pemakaian serban ketika menunggang motosikal berdasarkan fiqh keutamaan. *Jurnal Syariah*, 17(1), 36.



Dari sudut hukum pemakaiannya pula, ulama berselisih pendapat sama ada memakainya dianggap sunah atau adat sahaja. Al-Shawkani menghukumkan bahawa memakai serban merupakan suatu sunah yang digalakkan berdasarkan hadis yang diriwayatkan menerusi ‘Amru bin Jurayth<sup>20</sup> kerana sunah bermaksud segala perbuatan dan percakapan yang disandarkan pada Nabi Muhammad SAW. Oleh sebab itu, memakai serban merupakan salah satu sunah Rasulullah SAW.<sup>21</sup>

Menurut Muhammad Rasyid Redha, memakainya merupakan salah satu adat kebiasaan dan bukan perintah agama. Tidak ada perintah yang kuat supaya umat Islam memakai serban sebagai suatu hukum agama dan syariat kerana hadis yang menggalakkan pemakaiannya lemah (*daif*).<sup>22</sup> Sebaliknya, Dr .Yusof al-Qaradhawi berpendapat apa-apa sahaja yang dilakukan oleh Rasulullah SAW baik dan patut diikuti oleh lelaki Muslim.<sup>23</sup> Tambahan pula, jika seseorang melakukannya dengan tujuan meniru cara Rasulullah SAW berpakaian sebagai tanda cinta, orang itu mendapat pahala di sisi Allah SWT. Oleh itu, memakai serban termasuk dalam perbuatan sunah yang harus diikuti meskipun tidak wajib dilakukan oleh orang Islam.

### Serban menurut Sikh

Pemakaian serban berdasarkan perspektif agama Sikh merupakan suatu adaptasi daripada gabungan dua unsur agama, iaitu Islam dan Hindu. Dastar ialah nama lain bagi serban dalam agama Sikh.

20 Al-Shawkani. (1415H/1995M). *Nayl al-Awtar min Ahadith Sayyid al-Akhyar Syarah Muntaqa al-Akhbar* (Jilid 2) (p. 10). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

21 The Turban in Islam. Retrieved from <http://www.everymuslim.co.za/index.php/articles-menu/meritorious-deeds-menu/1405-the-turban-in-Islam> at 16 Disember 2016.

22 Redha. (1970). *Fatawa Muhammad Rasyid Redha* (Jilid 2) (p. 764). Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Jadidah.

23 Juhaidi Yean Abdullah. (26 November 2016). Antara serban Muslim, dastar Sikh. *Sinar Harian*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/antara-serban-muslim-dastar-sikh-1.591007> at 17 Disember 2016.



Menurut sejarah, dipercayai bahawa pengasas agama Sikh, iaitu Guru Nanak merupakan seorang Hindu yang menerima pengaruh Islam dan dikatakan pernah pergi ke Makkah. Dalam pengembaraannya diceritakan bahawa beliau memakai serban dan membawa tasbeih yang biasa dipakai oleh orang Islam.<sup>24</sup>

Bagi ahli agama Sikh, serban bukanlah suatu trend atau tanda status sosial seseorang tetapi merupakan salah satu amalan penting menurut kepercayaan dan tuntutan agama mereka. Mereka menganggap pemakaiannya sebagai suatu manifestasi ketaatan dan kepatuhan kepada Tuhan. Serban mula dipakai sejak agama Sikh diisytiharkan secara rasmi di rantau Punjab di Asia Selatan pada tahun 1699.<sup>25</sup> Pemakaian serban juga dianggap sebagai suatu perbuatan yang mulia. Bahkan, fungsi serban dianggap sebagai lambang persaudaraan dalam kalangan penganut agama Sikh sehinggakan mereka mengadakan Hari Serban untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang keunikan serban mereka.<sup>26</sup>

Selain itu, serban menjadi suatu lambang pengenalan yang membezakan penganut Sikh daripada bangsa India lain. Pemakaiannya amat dititikberatkan kepada semua penganutnya tanpa mengira umur dan jantina. Walau bagaimanapun, tidak semua penganutnya mempraktikkan amalan tersebut dalam kehidupan seharian kerana faktor persekitaran mempengaruhi pemakaiannya.<sup>27</sup>

Menurut penganut Sikh, serban juga dianggap sebagai suatu simbolisme terhadap agama. Pemakaiannya dianggap penting kerana mempunyai hubungan yang erat dengan lambang lain dalam agama Sikh yang dikenali sebagai *panch kekaar*. Lambang tersebut ialah *kes* (rambut), *kara* (gelang keluli), *kachera* (seluar), *kirpan* (pedang)

24 Aman Daima. (2012). Perbandingan pemakaian dasar dalam agama Sikh dan serban dalam agama Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 2.

25 Neha Singh Gohil, & Dawinder S. Sidhu. (2008). The Sikh turban: Post-911 challenges to this article of faith. *Rutgers Journal of Law and Religion*, 9(2), 1.

26 Jessica Meyers. (2009). *North Texas college students try on turbans, new perspectives*. Retrieved from <https://www.sikhnet.com/news/north-texas-college-students-try-turbans-new-perspectives> at 17 Disember 2016.

27 *Why do Sikh wear turban?* Retrieved from <http://fateh.sikhnet.com/s/WhyTurbans#SikhIdentity> at 17 Disember 2016.





dan *kangha* (sikat) yang dikenali sebagai 5K.<sup>28</sup> Tanggungjawab untuk mengekalkan kelima-lima simbol ini dipandang serius oleh ortodok Sikh *khalsa*.<sup>29</sup> Kelima-lima simbol ini penting dan mesti dipakai sepanjang masa kerana mencerminkan identiti Sikh sebagai sejenis bangsa yang unggul (*ideal type*).<sup>30</sup>

Walaupun serban bukanlah salah satu lambang dalam 5K, namun, memakainya tetap termasuk dalam Kanun Kelakuan Sikh (*Rehat Maryada*), iaitu suatu ketetapan tentang peraturan kelakuan Sikh yang betul yang diisyiharkan oleh Gurus, sehingga muncul beberapa orang ilmuwan dengan beberapa justifikasi yang menegaskan bahawa serban ialah sebahagian daripada personaliti agama dan budaya Sikh.<sup>31</sup>

Pertama, justifikasi pemakaian serban dianggap praktikal kerana rambut perlu ditutup dengan kemas dan serban boleh menjaga rambut daripada kerosakan.<sup>32</sup> Kedua, serban memastikan kesamaan identiti yang boleh dilihat oleh semua penganut Sikh.<sup>33</sup> Ketiga, serban melambangkan kesaksamaan dan keempat Sikh boleh dikenal pasti menerusi serban mereka. Kelima, penggunaan serban menyebabkan mereka mudah dikenali, mencegah mereka melakukan perbuatan yang tidak baik dan mendorong mereka berkelakuan baik. Keenam, serban juga menunjukkan ketaatan pemakai terhadap agama Sikh,

28 Basir Abu Bakar. (2016). Rambut mengikut Kepercayaan Sikh. *Kosmo!* Retrieved from <http://www.kosmo.com.my/kosmo/content> at 17 Disember 2016.

29 Margaret Walton-Roberts. (2014). *Three readings of the turban: Sikh identity in Greater Vancouver* (p. 319). Department of Geography, University of British Columbia.

30 Sarjit S. Gill. (2008). Peranan Gurdwara dalam pembentukan identiti Sikh di Malaysia: Antara ideal dan praktis. *Akademika*, 73(Mei), 31.

31 Neha Singh Gohil, & Dawinder S. Sidhu. (2008). The Sikh turban: Post-911 challenges to this article of faith. *Rutgers Journal of Law and Religion*, 9(2), 11.

32 Sikhism Guide. *Five Sikh symbols*. Retrieved from <http://www.sikhismguide.org/fiveks.aspx> at 17 Disember 2016. Simbol ini menonjolkan identiti unik golongan Sikh yang melambangkan disiplin dan kerohanian. Kesemua simbol ini mesti dipatuhi dan diamalkan dengan sempurna.

33 Manvir Singh Khalsa. (2005). *Who are Sikh?* Oxford Sikhs. Retrieved from <http://www.oxfordsikhs.com/SikhAwareness/117.aspx> at 17 Disember 2016. Serban dan rambut yang tidak dipotong itu ialah sebahagian daripada pakaian seragam Sikh.



membentuk disiplin dan meningkatkan keazaman untuk memakai serban, serta menghapuskan penganiayaan.<sup>34</sup>

Berdasarkan justifikasi tersebut, ternyata penganut Sikh mempunyai pelbagai tujuan untuk memakai serban, walaupun terdapat penganut Sikh yang memakai serban semata-mata untuk mematuhi mandat agama mereka.<sup>35</sup> Oleh itu, pemakaian serban menurut agama Sikh sangat penting kerana pemakaiannya melambangkan kebaikan dan ketaatan individu terhadap agama. Hal ini bermakna, memakai serban wajib di sisi agama Sikh dan penganut yang tidak memakainya boleh mengundang sesuatu yang tidak baik.

## PERUNDANGAN YANG BERKAITAN DENGAN PEMAKAIAN SERBAN

Pemakaian serban tidak diperuntukkan secara khusus dalam mana-mana statut di Malaysia. Namun, dari segi amalannya terdapat beberapa perkara yang menjadi peraturan untuk memakainya kerana perkara yang melibatkan amalan agama tidak diperincikan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Antara peraturan tersebut termasuklah pemakaian serban ketika menunggang motosikal. Di Malaysia, kewajipan memakai topi keledar oleh penunggang motosikal diwartakan pada 1 Mac 1973. Oleh itu, setiap penunggang dan pembonceng wajib memakai topi keledar apabila berada di jalan raya. Walau bagaimanapun, Kaedah-kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973 apabila dibaca bersama-sama Pengecualian 1975 memberikan pengecualian kepada golongan haji, lebai dan sikh untuk tidak memakai topi keledar semasa menunggang motosikal.<sup>36</sup> Pengecualian ini menunjukkan bahawa undang-undang memberikan

34 SikhCoalition.org. *Sikh theology: Why Sikhs wear a turban*. Retrieved from <http://www.sikhcoalition.org/Sikhism11.asp> at 17 Disember 2016.

35 SikhCoalition.org. *Sikh theology: Why Sikhs wear a turban*. Retrieved from <http://www.sikhcoalition.org/Sikhism11.asp> at 17 Disember 2016. Mendakwa bahawa “sebab semua penganut Sikh mengamalkan pemakaian serban itu hanyalah satu – kerana cinta dan ketaatan terhadap hasrat pengasas keimanan mereka”.

36 Kaedah-kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973 dibaca bersama-sama Pengecualian 1975.



hak yang sama rata kepada pemakai serban kepada orang Islam dan Sikh untuk menggantikan pemakaian topi keledar dengan serban. Kelonggaran undang-undang ini membuktikan wujudnya kesamarataan antara agama<sup>37</sup> kerana golongan Sikh dikenali sebagai golongan yang memakai serban dalam apa-apa jua keadaan dan pengecualian ini membolehkan mereka terus memakai serban. Begitu juga dengan orang Islam kerana serban sinonim dengan mereka.

Selain itu, terdapat juga surat pekeliling daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang memberikan panduan dan peraturan berkenaan dengan rambut dan pemakaian *kara* (gelang keluli) oleh murid keturunan Sikh. Peraturan tersebut menyatakan bahawa murid keturunan Sikh tidak dilarang memakai serban (*jura*) mengikut kepercayaan dan agama mereka semasa di sekolah. Oleh itu, murid lelaki, guru dan kakitangan lain yang berketurunan Sikh boleh berambut panjang dan dibenarkan memakai serban untuk menutup rambut mengikut kepercayaan agama mereka.<sup>38</sup>

Peraturan ini dengan jelas memberikan kelonggaran sekali lagi kepada penganut Sikh untuk memakai serban apabila berada di sekolah. Kelonggaran ini diberikan kerana memahami sensitiviti terhadap keperluan agama, adat dan kepercayaan sesuatu kaum di negara ini.<sup>39</sup> Oleh itu, penganut Sikh bebas untuk terus memakai serban di sekolah walaupun pada dasarnya serban bukan pakaian seragam sekolah.

Kedua-dua peraturan ini jelas menunjukkan bahawa undang-undang memberikan hak yang sama rata kepada orang Islam dan

37 Pengecualian topi keledar bagi mereka yang berserban – Aktivis jalan raya. Retrieved from <http://bm.therakyatpost.com/berita/2016/01/11/pengecualian-topi-keledar-kepada-mereka-yang-berserban-aktivis-jalan-raya/> at 17 Disember 2016.

38 Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2011, Peraturan berkenaan Rambut dan Pemakaian *Steel Bangle* (Kara) oleh Murid-murid Keturunan Sikh. Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan memaklumkan kepada semua pengarah pelajaran negeri, pegawai pelajaran daerah, pengetua dan guru besar tentang persetujuan Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap peraturan berkenaan dengan rambut dan pemakaian *steel bangle* (kara) oleh murid keturunan Sikh.

39 Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2011.



Sikh untuk memakai serban. Keadaan ini menunjukkan bahawa negara memberikan toleransi beragama kepada semua agama sama ada yang beragama Islam mahupun Sikh, mereka bebas berpakaian mengikut anjuran agama masing-masing. Kebebasan beragama dan mengamalkan agama ini selari dengan matlamat Malaysia untuk menjadi satu bangsa dan satu negara yang mengiktiraf semua kepercayaan dan anutan agama.<sup>40</sup>

Meskipun demikian, undang-undang yang sedia ada tidak terpakai secara keseluruhannya. Terdapat isu orang Islam tidak dibenarkan memakai serban ketika menunggang motosikal walaupun pengecualian terhadapnya termaktub dalam Kaedah-kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973. Begitu juga dengan pemakaian serban di sekolah. Orang Islam juga tidak dibenarkan memakai serban kerana serban dianggap bukan pakaian seragam sekolah. Walhal surat pekeliling tersebut jelas memberikan kebenaran kepada penganut agama Islam dan Sikh untuk memakai serban.

Apabila menyentuh aspek kesamarataan dalam undang-undang, Deklarasi Hak Manusia Sejagat (UDHR) 1948 menegaskan bahawa semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan dan hak. Setiap orang berhak mendapat semua hak dan kebebasan tanpa pengecualian dan tidak dibezakan berdasarkan ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, politik, dan sebagainya.<sup>41</sup>

Selain itu, Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) 1969 merupakan suatu konvensyen yang mengatur penghapusan diskriminasi perkauman yang bertujuan mempromosikan dan menggalakkan kehormatan sejagat, serta pematuhan terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asasi kepada semua tanpa membezakan bangsa,

40 Ahmad Masum. (2009). Freedom of religion under the Malaysian Federal Constitution. *Current Law Journal (CLJ) (A)*, 2.

41 Deklarasi Hak Manusia Sejagat (UDHR). Retrieved from [www.un.org/en/universal-declaration-of-human-rights/](http://www.un.org/en/universal-declaration-of-human-rights/) at 11 Disember 2016. Suatu pengisytiharan yang didukung oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10 Disember 1948 di Palais de Chaillot, Paris. Deklarasi ini terdiri daripada 30 artikel yang menggariskan pandangan Perhimpunan Agung terhadap hak asasi manusia yang dijamin kepada semua rakyat.



jantina, bahasa atau agama.<sup>42</sup> Konvensyen ini boleh dijadikan kayu ukur untuk membincangkan diskriminasi pemakaian serban antara orang Islam dengan Sikh.

Tambahan pula, Artikel 18 dalam Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) 1976<sup>43</sup> memperuntukkan hak kebebasan individu seperti kebebasan berfikir, perasaan hati dan agama. Hak tersebut termasuklah kebebasan mempunyai atau menganut agama atau kepercayaan pilihannya, kebebasan sama ada secara individu atau bersama-sama dengan orang lain, dan secara terbuka atau bersendirian menganuti agama atau kepercayaan melalui ibadah, penelitian, amalan dan pengajaran.

Oleh itu, peruntukan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dengan jelas menggariskan beberapa panduan untuk menjaga kesamarataan dan mengelakkan diskriminasi antara kaum, agama, keturunan, dan sebagainya. Setiap orang juga diberikan kebebasan untuk melakukan apa-apa perkara selagi tidak bertentangan dengan undang-undang domestik. Namun, sejauh manakah undang-undang di Malaysia menjamin hak tersebut dari segi pelaksanaan dan amalannya, jika dibandingkan dengan peruntukan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa?

## PEMAKAIAN SERBAN: WUJUDKAH DISKRIMINASI

Perundangan sedia ada jelas menyatakan bahawa diskriminasi tidak boleh wujud disebabkan oleh kaum, bangsa dan agama kerana hak

42 Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD). Retrieved from <http://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/CERD.aspx> at 16 Disember 2016.

43 Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik. Retrieved from <http://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/ccpr.aspx> at 11 Januari 2017. Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) merupakan perjanjian pelbagai hala yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 16 Disember 1966 yang berkuat kuasa sejak 23 Mac 1976. Perjanjian ini menuntut pihak yang terlibat untuk menghormati hak sivil dan politik individu, termasuk hak untuk hidup, kebebasan beragama, kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun, serta hak pilihan raya dan hak untuk proses dan perbicaraan yang adil.



yang diberikan oleh undang-undang sama rata kepada setiap orang. Walau bagaimanapun, amalan undang-undang lazimnya tidak selari dengan konsep kesamarataan dalam undang-undang yang dikuatkuasakan.

Dalam kes *Ahmad Nasir*, majistret memberikan alasan bahawa beliau tidak menemui ciri yang menandakan Ahmad Nasir sebagai lebai yang membolehkan Ahmad Nasir dikecualikan daripada mengenakan topi keledar. Oleh sebab polis yang menyaman Ahmad Nasir tidak nampak tanda bahawa dia seorang yang baik atau mulia, maka beliau tidak dianggap lebai dan tidak tertakluk pada pengecualian ini.<sup>44</sup> Tambahan pula, orang kena saman menyatakan bahawa beliau merupakan seorang pelajar pondok dan pada pemahaman anggota polis yang menyamannya, beliau masih lagi seorang pelajar. Saksi pendakwa, iaitu Konstabel Che Sidek Omar Mat Hassan menjelaskan bahawa pelajar terbabit ketika ditahan memberitahu statusnya sebagai pelajar pondok, maka tindakan saman boleh diambil kerana pelajar terbabit belum layak dianggap lebai kerana masih belajar.<sup>45</sup>

Selain itu, mahkamah dalam perbicaraan kes yang membabitkan lima pelajar al-Madrasah ad-Diniah al-Yusufiah, Pondok Banggol Naim, Pasir Mas melihat pentafsiran istilah “haji” dan “lebai” yang mengatakan bahawa tidak terdapat penjelasan yang terang tentang maksud “lebai”. Oleh itu, maksud “lebai” terlalu luas dan sesiapa pun

44 (19 Januari 2009). Kes serban: Pelajar pondok pilih penjara daripada bayar denda. *Harakah Daily*. Retrieved from <http://www.harakahdaily.net/> at 17 Disember 2016. Ahmad Nasir disaman oleh pihak polis kerana menunggang motosikal dengan memakai serban dan tidak memakai topi keledar seperti yang termaktub dalam undang-undang Kaedah 4 dan 5(2), Kaedah Motosikal (Topi Keledar) [PU(A) 43/1973]. Beliau yang mengaku tidak bersalah dan memohon kepada mahkamah untuk dibicarakan. Isu utama dalam kes ini adalah tentang “lebai” sama ada orang kena saman sebagai seorang pelajar pondok menepati ciri “lebai” di sisi undang-undang yang memberikan pengecualian memakai topi keledar semasa menunggang motosikal.

45 Isma Ismail. (2 Julai 2008). Naik motor pakai serban adakah suatu kesalahan? *Harian Metro*. Retrieved from <https://almizan.wordpress.com/2008/07/02/naik-motor-pakai-serban-adalah-satu-kesalahan/> at 18 Disember 2016.



boleh dimasukkan dalam golongan “lebai” dan untuk membuktikan seseorang itu lebai adalah sukar.<sup>46</sup>

Ulasan mahkamah dalam kes tersebut jelas menunjukkan bahawa wujud konflik undang-undang untuk mentafsirkan penganut Islam yang dibenarkan memakai serban sebagai ganti kepada topi keledar. Kebenaran memakai serban ketika menunggang motosikal juga tertakluk pada syarat tertentu, iaitu mereka mestilah seorang lebai atau haji. Namun, untuk mentafsirkan siapakah yang layak digelar lebai atau haji masih belum jelas dan terperinci kerana pelajar sekolah juga berserban dan adakah mereka juga layak digelar sedemikian. Berbeza daripada penganut Sikh, mereka tidak memerlukan pentafsiran siapakah Sikh kerana mereka dikenali sebagai golongan yang sememangnya memakai serban dalam apa-apa jua keadaan tanpa perlu dipertikaikan.<sup>47</sup>

Oleh sebab itu, terdapat gesaan daripada tokoh agama, iaitu Mufti Selangor dan Perak agar pihak berkuasa mengambil pendekatan yang jelas dan adil untuk menguatkuasakan peraturan tentang pemakaian serban oleh penunggang motosikal. Penguatkuasaan itu mestilah adil dan saksama tanpa mengira pelajar, orang Islam atau bukan Islam.<sup>48</sup> Kelonggaran yang diberikan ketika menunggang motosikal mestilah jelas dan menyeluruh.

46 (10 Mac 2008). Undang-undang mempersoalkan serban tetapi membela Sikh. *Harakah Daily*. Retrieved from <http://www.milosuam.net/2010/03/undang-undang-mempersoal-serban-tetapi.html> at 17 Disember 2016. Pelajar tersebut dituduh menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar semasa ditahan polis dalam satu sekatan jalan raya di Kampung Geting pada 27 April 2008. Kelima-lima pelajar semasa ditahan pada pukul 12.00 tengah malam itu dalam perjalanan pulang daripada menghadiri upacara sembahyang jenazah di Masjid Jar sebelum menghadiri ceramah *Israk Mikraj* di Surau Geting, Tumpat.

47 (10 Mac 2008). Undang-undang mempersoalkan serban tetapi membela Sikh. *Harakah Daily*. Retrieved from <http://www.milosuam.net/2010/03/undang-undang-mempersoal-serban-tetapi.html> at 17 Disember 2016.

48 Azman Mahmood. (18 Februari 2009). Polis kena adil kuat kuasa pemakaian serban: Mufti. *Berita Harian*. Retrieved from <https://epondok.wordpress.com/2009/02/18/polis-kena-adil-kuat-kuasa-pemakaian-serban-mufti/> at 18 Disember 2016.

Tambahan pula, Ketua Polis Negara Malaysia dalam perbincangan bersama-sama Jabatan Peguam Negara Malaysia menyatakan bahawa pada ketika ini pengecualian pemakaian topi keledar hanyalah diberikan kepada golongan tertentu seperti penganut Sikh dan alim ulama Islam yang berserban, manakala golongan pelajar sekolah agama yang memakai serban ketika bermotosikal tidak termasuk dalam pengecualian tersebut.<sup>49</sup> Oleh itu, pentafsiran undang-undang berkenaan siapakah yang dimaksudkan dengan golongan berserban itu perlu jelas dan menyeluruh agar maksud yang ingin disampaikan itu difahami oleh semua pihak.

Selain itu, satu kes yang dibawa ke mahkamah berkenaan dengan pakaian seragam sekolah ialah kes *Meor Atiqulrahman Ishak & Yang Lain lwn Fatimah Sihi & Yang Lain*<sup>50</sup> apabila plaintif mendakwa bahawa pembuangan sekolah kerana memakai serban bertentangan dengan kebebasan beragama dan larangan membezakan agama seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah menegaskan bahawa larangan memakai serban bertentangan dengan perkara 3 dan perkara 11 Perlembagaan Persekutuan kerana setiap orang Islam mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya.

Walau bagaimanapun, keputusan hakim tersebut diketepikan oleh mahkamah rayuan oleh Hakim Abdul Hamid dalam keputusannya yang menjelaskan bahawa persoalan yang timbul sama ada Peraturan-peraturan Sekolah 1997 yang melarang pemakaian serban oleh pelajar sebagai sebahagian daripada pakaian seragam sekolah, melanggar atau tidak perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Pelajar tersebut dilarang memakai serban sebagai sebahagian daripada pakaian seragam sekolah tetapi mereka tidak dilarang memakainya pada masa lain seperti ketika bersolat. Hakim mendapati Peraturan-

49 n.n. (2009, 21 Januari). Pengecualian topi keledar dikaji. *Berita Harian*. Dipetik daripada Lajnah Undang-undang dan Hak Asasi Manusia Dewan Pemuda Pas Negeri Kelantan. Retrieved from <http://luhampas.blogspot.my/2009/01/pengecualian-topi-keledar-dikaji.html> at 18 Disember 2016.

50 [2000] 1 *CLJ* 393. Kes ini tidak akan dibincangkan secara mendalam kerana penulis tidak berniat membincangkan isu ini dari sudut Perlembagaan Persekutuan Malaysia.



peraturan sekolah 1997 tidak melanggar perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.<sup>51</sup>

Oleh itu, terdapat ulasan daripada Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (pada ketika itu) yang menjelaskan bahawa peraturan sekolah yang melarang pelajar Islam memakai serban tidak melanggar perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Namun, keputusan itu tidak membabitkan kelonggaran pemakaian serban oleh pelajar Sikh yang dianggap sebagai tradisi yang diwarisi sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.<sup>52</sup>

Jika dilihat dari sudut kerangka teori undang-undang hak asasi manusia antarabangsa untuk membicarakan sama ada pemakaian serban mendiskriminasikan hak orang Islam atau tidak, Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) 1969 digunakan sebagai kayu ukur yang bersesuaian kerana matlamat utama ICERD<sup>53</sup> adalah untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi di serata dunia dan memastikan setiap orang mendapat hak dan kebebasan yang sama mengikut undang-undang.<sup>54</sup> Artikel 1 ICERD mentakrifkan diskriminasi perkauman sebagai<sup>55</sup>:

*In this Convention, the term “racial discrimination” shall mean any distinction, exclusion, restriction or preference based on race, colour, descent, or national or ethnic origin which has the purpose or effect of nullifying or impairing the recognition, enjoyment or exercise, on an equal footing, of human rights and fundamental freedoms in the political, economic, social, cultural or any other field of public life.*

51 Mohd. Ismail Othman. (2008). *Undang-undang untuk pengetua dan guru besar* (p. 94). Selangor: PTS Publications.

52 Mohd. Ismail Othman. (13 Julai 2006). (p. 95). Dipetik daripada *Berita Harian*.

53 Singkatan bagi Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman.

54 Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) diterima dan dibuka untuk tandatangan dan pengesahan oleh resolusi Perhimpunan Agung 2016 (XX) daripada 21 Disember 1965, berkuat kuasa pada 4 Januari 1969. Retrieved from <http://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/CERD.aspx>. at 9 Januari 2017.

55 Artikel 1(1) ICERD.



Artikel 1 ini jelas menyatakan bahawa diskriminasi ialah sebarang pengecualian atau keutamaan yang dibuat berdasarkan bangsa, warna kulit, keturunan, atau asal usul bangsa atau etnik untuk meniadakan hak atau kebebasan sesuatu pihak yang lainnya dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya, atau mana-mana bidang kehidupan awam lain.

Jika melihat isu pemakaian serban ini, pengecualian dan kelonggaran yang diberikan kepada penganut Sikh untuk memakai serban, manakala bagi orang Islam pula terdapat syarat atau peraturan yang menetapkan pemakaiannya. Jika dilihat dari sudut pentafsiran diskriminasi ICERD ini, maka pengecualian pemakaian serban yang diberikan kepada penganut Sikh ini merupakan suatu bentuk diskriminasi kepada penganut Islam. Namun, artikel 1(4) ICERD menyatakan bahawa<sup>56</sup>:

*Special measures taken for the sole purpose of securing adequate advancement of certain racial or ethnic groups or individuals requiring such protection as may be necessary in order to ensure such groups or individuals equal enjoyment or exercise of human rights and fundamental freedoms shall not be deemed racial discrimination, provided, however, that such measures do not, as a consequence, lead to the maintenance of separate rights for different racial groups and that they shall not be continued after the objectives for which they were taken have been achieved.*

Kenyataan ini bermakna artikel 1(4) menganjurkan langkah khusus yang boleh diambil bagi menjamin kemajuan sesuatu kaum atau etnik, iaitu memberikan perlindungan untuk mengamalkan hak dan kebebasan asasi manusia. Keadaan ini tidak dikira sebagai suatu diskriminasi menurut artikel tersebut. Selain itu, artikel 2 ICERD menyatakan bahawa<sup>57</sup>:

*States Parties condemn racial discrimination and undertake to pursue by all appropriate means and without delay a policy of eliminating racial discrimination in all its form and promoting understanding among all races ...*

56 Artikel 1(4) ICERD.

57 Artikel 2 ICERD.



Berdasarkan peruntukan ini, walaupun Malaysia bukan salah satu daripada “negara pihak”, tetapi pengecualian pemakaian serban terhadap penganut Sikh merupakan suatu langkah positif yang diambil untuk menghapuskan diskriminasi terhadap penganut Sikh yang merupakan golongan minoriti di Malaysia. Pengecualian ini tidak lain bertujuan mewujudkan persefahaman antara kaum dan menjamin hak penganut Sikh dan bukan bertujuan mendiskriminasikan kaum lain.

Oleh itu, pengecualian yang diberikan kepada penganut Sikh hanyalah untuk menjamin hak mereka kerana tuntutan memakai serban seolah-olah diwajibkan dalam agama mereka. Hal ini berbeza daripada pemakaian serban orang Islam yang hanya sekadar tuntutan agama kerana mencontohi sunah Nabi Muhammad SAW yang jika ditinggalkan tidak menjejaskan hak untuk mengamalkan agama tersebut dan bukanlah suatu perkara yang membatalkan akidah atau melanggar perkara yang wajib dalam Islam. Diskriminasi pemakaian serban tidak boleh dilihat semata-mata dalam konteks pengecualian yang diberikan, malah pengecualian tersebut adalah untuk menjamin hak minoriti kaum Sikh di Malaysia.<sup>58</sup>

Jelasnya, pengecualian pemakaian serban terhadap penganut Sikh bukannya suatu bentuk diskriminasi perkauman untuk mengamalkan ajaran agama, malah keistimewaan tersebut diberikan semata-mata untuk menjaga dan menjamin hak mereka sebagai kaum minoriti di Malaysia. Diskriminasi sebenarnya tidak wujud kepada orang Islam kerana pemakaian serban bukan dilarang dalam semua aspek kehidupan, tetapi hanya dilarang dalam sesetengah peraturan sahaja seperti di sekolah. Bahkan, orang Islam masih boleh memakai serban dalam banyak keadaan lain.

## KESIMPULAN

Isu serban memerlukan pencerahan dari sudut pentafsiran undang-undang. Pihak berkuasa perlu mengambil pendekatan yang lebih

<sup>58</sup> *Malaysia Ministry of Education allows turbans and berads for students.* Retrieved from <http://www.srsfchicago.com/malaysia-ministry-of-education-allows-turbans-and-beards-for-students/> at 11 Januari 2017.



adil dan saksama untuk menguatkuasakan peraturan, terutama tentang pemakaian serban oleh penunggang motosikal. Kajian secara terperinci perlu dibuat untuk mentafsirkan pemakaian serban terhadap golongan pelajar sekolah agama atau pondok kerana turut dipakai oleh penganut Sikh.

Jelasnya, pemakaian serban oleh penganut agama Sikh sangat berkait rapat dengan kepercayaan, budaya dan amalan agama mereka. Berkemungkinan atas sebab inilah, kerajaan meraikan pemakaian serban kepada penganut agama Sikh dalam pelbagai keadaan. Hal ini berlainan pula dengan serban yang dipakai oleh orang Islam yang tidak dianggap wajib, tetapi digalakkan memakainya kerana mengikut sunah Rasulullah SAW.

Selain itu, apabila mahkamah memberikan penjelasan tentang larangan pemakaian serban bagi pelajar sekolah yang menunggang atau membonceng motosikal, amalan wajib seharusnya dilihat lebih serius berbanding dengan amalan yang sunat. Jika amalan itu berbentuk wajib atau menjadi sebahagian daripada perkara penting dalam agama, mahkamah perlu memberikan perhatian yang lebih dan sekiranya perkara tersebut tidak penting, maka mahkamah boleh terus tidak mengambil kira.<sup>59</sup>

Pemakaian peruntukan dalam ICERD 1969 terhadap pemakaian serban antara penganut Islam dengan Sikh memberikan gambaran yang jelas terhadap maksud diskriminasi. Malah, melaluinya justifikasi pengecualian pemakaian serban ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi, terutamanya demi menjaga hak semua kaum di Malaysia. Artikel ICERD ini juga sedikit sebanyak membantu meningkatkan persefahaman antara kaum dan mengelakkan berlakunya diskriminasi perkauman kerana bukan semua amalan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW mengikat umat Islam dari segi undang-undang atau agama, malah ada yang menjadi pilihan untuk diikuti.<sup>60</sup> Walau bagaimanapun, setiap agama mempunyai pegangannya yang tersendiri yang harus diterima sama ada agama samawi atau agama

59 Mohd. Ismail Othman. (2008). *Undang-undang untuk pengetua dan guru besar* (p. 94). Selangor: PTS Publications.

60 Mohd. Ismail Othman. (p. 94). Keterangan oleh panel tiga hakim mahkamah rayuan yang diketuai oleh presiden mahkamah rayuan, Tan Sri Abdul Malek.



yang bukan samawi. Perkara yang paling penting umat Islam haruslah memperlihatkan Islam sebagai suatu agama yang baik dan sesuai dalam semua aspek kehidupan.

## RUJUKAN

- Abu Daud. (1317H/1952M). *Sunan Abi Daud* (Jilid 4). *Kitab al-Libas*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Masum. (2009). Freedom of religion under the Malaysian Federal Constitution. *Current Law Journal (CLJ) (A)*, 2.
- Al-Shawkani. (1415H/1995M). *Nayl al-Awtar min Ahadith Sayyid al-Akhyar Syarah Muntaqa al-Akhbar* (Jilid 2) (p. 10). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Aman Daima. (2002). Perbandingan pemakaian dasar dalam agama Sikh dan serban dalam agama Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 2.
- Azman Mahmood. (2009, 18 Februari). Polis kena adil kuat kuasa pemakaian serban: Mufti. *Berita Harian*, Retrieved from <https://epondok.wordpress.com/2009/02/18/polis-kena-adil-kuat-kuasa-pemakaian-serban-mufti/>.
- Basir Abu Bakar. (2016). Rambut mengikut kepercayaan Sikh. *Kosmo!*, Retrieved from <http://www.kosmo.com.my/kosmo/content>.
- Basri Ibrahim, Wan Mohd. Yusuf Wan Chik, & Muhammad Zaid Ismail. (2009). Kupasan pemakaian serban ketika menunggang motosikal berdasarkan fiqh keutamaan. *Jurnal Syariah*, 17(1), 33.
- Deklarasi Hak Manusia Sejagat (UDHR). Retrieved from [www.un.org/en/universal-declaration-of-human-rights/](http://www.un.org/en/universal-declaration-of-human-rights/).
- n.n. (2008, 10 Mac). Undang-undang mempersoalkan serban tetapi membela Sikh. *Harakah Daily*, Retrieved from <http://www.milosuam.net/2010/03/undang-undang-mempersoal-serban-tetapi.html>.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1422H/1990M). *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khayr al-'Ibad* (Jilid 1). (p. 7). Kaherah: Dar al-Haitham.
- Isma Ismail. (2 Julai 2008). Naik motor pakai serban adakah suatu kesalahan? *Harian Metro*, Retrieved from <https://almizan.wordpress.com/2008/07/02/naik-motor-pakai-serban-adalah-satu-kesalahan/>.
- Jessica Meyers. (2009). *North Texas college students try on turbans, new perspectives*. Retrieved from <https://www.sikhnet.com/news/north-texas-college-students-try-turbans-new-perspectives>.
- Juhaidi Yean Abdullah. (2016, 26 November). Antara serban Muslim, dasar

- Sikh. *Sinar Harian*, Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/antara-serban-muslim-dastar-sikh-1.591007> at 17 Disember 2016.
- Kaedah-kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973 dibaca bersama-sama Pengecualian 1975.
- Kamus Dewan*. (2007) (p. 1467). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Surat Pekeliling *Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2011*. Peraturan berkenaan Rambut dan Pemakaian *Steel Bangle* (Kara) oleh Murid-murid Keturunan Sikh.
- Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD). Retrieved from <http://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/CERD.aspx>.
- Malaysia Ministry of Education allows turbans and berads for students. Retrieved from <http://www.srsfchicago.com/malaysia-ministry-of-education-allows-turbans-and-beards-for-students/>.
- Manvir Singh Khalsa. (2005). *Who are Sikh? Oxford Sikhs*. Retrieved from <http://www.oxfordsikhs.com/SikhAwareness/117.aspx>.
- Margaret Walton-Roberts. (2014). *Three readings of the Turban: Sikh identity in Greater Vancouver* (p. 319). Department of Geography, University of British Columbia.
- Mohd. Ismail Othman. (2008). *Undang-undang untuk Pengetua dan Guru Besar* (3th ed.). Selangor: PTS Publications.
- Muhammad Nur Lubis. (1999). *Mengapa tidak berserban?* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Muslim. (1401H/1981M). *Sahih Muslim* (Jilid 1). *Kitab al-Hajj*. Istanbul.
- Neha Singh Gohil, & Dawinder S. Sidhu. (2008). The Sikh turban: Post-911 challenges to this article of faith. *Rutgers Journal of Law and Religion*, 9(2), 11.
- n.n. (2009, 19 Januari). Kes serban: Pelajar pondok pilih penjara daripada bayar denda. *Harakah Daily*. Retrieved from <http://www.harakahdaily.net/>.
- n.n. (2009, 21 Januari). Pengecualian topi keledar dikaji. *Berita Harian*. Dipetik daripada Lajnah Undang-undang dan Hak Asasi Manusia Dewan Pemuda Pas Negeri Kelantan. Retrieved from <http://luhampas.blogspot.my/2009/01/pengecualian-topi-keledar-dikaji.html>.
- n.n. (n.d.). *Sikh and Their Turban*. Retrieved from <http://www.sikhmarg.com/english/sikh-turban.html>. at 16 Disember 2016.
- n.n. (n.d.). *The Turban in Islam*. Retrieved from <http://www.everymuslim.co.za/index.php/articles-menu/meritorious-deeds-menu/1405-the->

turban-in-islam.

n.n. (n.d.). *Why do Sikh wear Turban?* Retrieved from <http://fateh.sikhnet.com/s/WhyTurbans#SikhIdentity>.

Pengecualian Topi Keledar bagi Mereka yang Berserban – Aktivis Jalan Raya. Retrieved from <http://bm.therakyatpost.com/berita/2016/01/11/pengecualian-topi-keledar-kepada-mereka-yang-berserban-aktivis-jalan-raya/>.

Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sipil dan Politik. Retrieved from <http://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/ccpr.aspx>.

Perlembagaan Persekutuan.

Redha. (1970). *Fatawa Muhammad Rasyid Redha* (Jilid 2) (p. 764). Kaherah: Dar al-Kutub al-Jadidah.

Sarjit S. Gill. (2008). Peranan Gurdwara dalam pembentukan identiti Sikh di Malaysia: Antara ideal dan praktis. *Akademika*, 73(Mei).

Sikh Coalition.org. *Sikh Theology: Why Sikhs wear a turban*. Retrieved from <http://www.sikhcoalition.org/Sikhism11.asp>.

Sikhism Guide. *Five Sikh symbols*. Retrieved from <http://www.sikhismguide.org/fiveks.aspx>.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2015). Siaran Media. Menyeru kerajaan untuk menyertai Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman 1969.

(2006). Pelajar ditegah berserban-bukan sebahagian daripada pakaian seragam sekolah: Hakim. *Utusan Online*, Retrieved from <http://ww1.utusan.com.my/utusan/> at 17 Disember 2016.

(2009). Saman Pelajar Berserban agar Elak Jadi Trend. *Utusan Online*, Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0120&pub=UtusanMalaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_22.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0120&pub=UtusanMalaysia&sec=Terkini&pg=bt_22.htm) at 16 Disember 2016.

Diperoleh (*Received*): 2 Ogos 2017

Diterima (*Accepted*): 20 Disember 2017